

KONSEP SOKONGAN, PERLINDUNGAN DAN JAMINAN TERHADAP KARYA CIPTA MENURUT ISLAM: TINJAUAN LITERATUR

Siti Syarwani Ghazali
Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur
sitisyarwani@kpbkl.edu.my

ABSTRACT

Islam allows all Muslims to be produce artworks as long as within Syariah compliance. Every artwork portrayed by a Muslims could be able to benefits the ummah. In addition, the artworks created could be the source of income for some Muslims. However, in the advancement of digital world, there are possibilities that the artwork could be access by anyone easily on the internet. Hence, the purpose of this article is to debate the concept of assurance, supporting and protection the artworks according to Islamic Philosophy. This article will used qualitative research through descriptive and data collection from articles, research and etc. According to research found that Islam as universal religion has provided a guideline to preserve human rights. Therefore, any misconduct by any party towards every piece of artworks consider as wrongdoing and violate the Islamic Law. Alternatively, every piece of artworks should be considered as copyright. In any circumstances that the owner neglecting the copyright for commercial and moral purpose then it is advisable to announce the artworks as Infaq to remove doubt and having a bless of using it.

Keywords: *Artworks, protection in Islamic law.*

ABSTRAK

Islam tidak menghalang umatnya berkarya selagi mana ciptaannya tidak menyalahi syarak. Hal ini kerana, sesuatu karya yang bermanfaat, menzahirkan pengolahan idea kreativiti seseorang dengan cara yang wajar dan memberi kepentingan kepada masyarakat. Malah, hasil karya kreatif ini juga boleh dijadikan sumber pendapatan kerana aktiviti bersumberkan pemikiran ini berkait dengan hak pengkarya. Walau bagaimanapun, sesuatu karya ciptaan khususnya ciptaan di era digital, memungkinkan sesiapa sahaja mengaksesnya dengan mudah. Justeru artikel ini bertujuan membahaskan konsep sokongan, jaminan dan perlindungan terhadap karya ciptaan menurut fiqh Islam. Artikel ini menggupakai rekabentuk kajian kualitatif secara deskriptif dan pengumpulan data dibuat menerusi bahan tertulis. Hasil kajian mendapati syariat Islam yang syumul telah memberi garis panduan dalam pemeliharaan hak manusia. Justeru, sebarang penggunaan oleh mana-mana pihak terhadap sesuatu karya cipta yang diiktiraf sebagai harta, maka ia boleh menjadi kesalahan dan melanggar hukum syarak jika tidak dibenarkan pemiliknya. Alternatif yang boleh dilaksana bersesuaian dengan masyarakat hari ini adalah pemilik mengisytiharkan karya yang dihasilkan sebagai hak cipta. Namun jika pemilik melepaskan hak ekonomi terhadap karya cipta atau hak moral atau kedua-duanya, maka adalah disarankan mengisytihar ia sebagai infaq. Hal ini dapat menghilangkan syubhah dalam penggunaan harta dan menuju jalan taqwa bagi umat Islam.

Kata kunci: *Karya Cipta, Perlindungan Dalam Islam.*

Pengenalan

Karya menurut kamus dewan bahasa dan pustaka membawa maksud hasil kesenian atau ciptaan (edisi kedua). Manakala cipta bermaksud angan-angan (khayalan), cita, fikiran, renungan atau kebolehan fikiran untuk mereka sesuatu (edisi keempat). Karya cipta dan penemuan baru pada hari ini menggunakan terma hak cipta dalam undang-undang moden. Namun, kewujudannya dapat dikenal pasti telah ada sekian lama. Ini berdasarkan penemuan hasil karya dan sesuatu ciptaan yang menyatakan manfaat dan nilai yang terkandung padanya. Antaranya, karya al-Haytham (lahir pada 335H), al-Khindi (809-873M), al-Khawarizme (780-850M), Jabar ibn Hayan (meninggal dunia pada 778M) dan ramai lagi (Mustafa Daud 1991; Ghazali Darusalam 2001; Azam Hamzah 2006). Manakala, perbincangan secara khusus berkait hak cipta dalam sejarah Islam tidak dinyatakan. Walau bagaimanapun, intipati mengenainya telah lama dibincangkan seperti yang terdapat dalam kitab *al-furuq* karangan al-Qarafi (626-684H) dan al-Suyuti (849-911H) dalam karangannya *al-Fariq bayn al-musannif wa al-sariq* (Arieff Salleh Rosman 2008). Perbincangan berkenaan hak dalam karya penulisan antaranya membuktikan bahawa isu berkaitan hak cipta ini telah pun dibincang sekian lama. Bahkan kajian berkaitan hak cipta ini turut dikaji oleh ulama fiqh kontemporari seperti Fathi al-Durayni (1979), al-Zarqa' (1999), al-Zuhayli (2002).

Terdapat beberapa kajian lain berkaitan hak cipta menurut Islam ditemui. Antaranya kajian Arieff Salleh Rosman (2002), Zuhayli (2002), Asmuni Mth (2003), Shabir (2007), °Abd al-Mu'ti et al (2009), Zaharuddin (2009), Mohamad Sabri (2010), al-°Amudi (2011) dan al-Husni al-Azhari (2011). Pelbagai istilah atau terma yang digunakan oleh ilmuan dan pengkaji bagi menggambarkan sesuatu hasil karya dan reka cipta inovasi. Antaranya *al-huquq al-adabiyyah*, *hak al-ibda'*, *hak al-ibtikar* dan *huquq al-ma'naviyyah*. Al-Zarqa' menggunakan istilah *huquq al-ibtikar* kerana maknanya lebih luas dan sesuai untuk semua jenis ciptaan. Pandangan ini disokong oleh al-Durayni (1994: 6-8), °Abd al-Mu'ti et al (2009: 154-164), dan Shabir (2007: 40). Seterusnya al-°Amudi (2011) mengguna pakai istilah *al-huquq al-fiqriyyah* bagi menerangkan berkenaan hak sastera (*huquq al-adabiyah*), hak terjemahan, hak reka cipta inovasi dan tanda dagang. Abd al-Razak al-Sanhuri menyatakan bahawa aktiviti bersumberkan pemikiran ini berkait dengan hak pengkarya, hak persuratan, hak reka cipta dan penjenamaan perniagaan yang melibatkan pemilikan kepada pengkarya atau pereka cipta (°Abd al-Mu'ti 2009). Walau bagaimanapun, istilah-istilah berikut menunjukkan bahawa sesuatu karya inovasi itu berkait rapat dengan hak-hak dan manfaat. Di Malaysia, karya-karya atau produk inovasi lebih sinonim dengan istilah hak cipta.

Kedudukan Karya Cipta Sebagai Harta

Al-Zarqa' (1999) membahagikan asas berkaitan dengan hak kepada dua iaitu hak bersifat harta dan hak tidak bersifat harta. Terdapat pandangan Syeikh Taqiuddin al-Nubhani yang menyatakan hak-hak daripada hasil idea pemikiran bukanlah hak harta (Ziyad Thariq Jasim Ali 2016) berdasarkan saranan tidak menyembunyikan ilmu dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa yang telah Kami turunkan dari keterangan-keterangan dan petunjuk hidayah, sesudah Kami menerangkannya kepada manusia di dalam Kitab Suci, mereka itu dilaknat oleh Allah dan dilaknat oleh sekalian makhluk.”

(Al-Baqarah: 159)

Berdasarkan maksud dalil di atas, umat Islam dilarang mengambil keuntungan daripada hak cipta termasuk penulisan dan terjemahan. Ini kerana, seseorang pengarang cenderung tidak menerbit atau menyiar karya apabila tidak mendatangkan manfaat kebendaan. Justeru, ini menzahirkan kehidupan manusia yang tidak bertindak menyebarkan ilmu selama mana tidak memperolehi pulangan harta dan ini termasuk perbuatan menyembunyikan ilmu dan ianya ditegah. Sedangkan menyebarkan ilmu adalah kewajipan ke atas setiap muslim. Pandangan ini juga berhujah bahawa ilmu haruslah disampaikan kepada penuntut ilmu tanpa pertukaran kerana ia adalah ibadah dan bukanlah ciptaan sebagaimana cipta-ciptaan lain. Walaubagaimanapun, khalifah di zaman awal Islam yang memuliakan ulama dan pengarang kitab, menjadikan baitulmal sebagai penjamin kepada kehidupan mereka.

Manakala menurut al-Qurah Daghi (2020) hak bersifat harta terdiri daripada hak *ayni*, hak *syakhsi* dan hak *al-ma^cnawi*. Dalam Islam, karya-karya hak cipta atau suatu reka cipta inovasi yang memenuhi ketetapan syarak adalah diharuskan. Para ulama bersepakat dalam mengklasifikasikan sesuatu benda yang diharuskan syarak sebagai harta itu adalah sesuatu yang mempunyai unsur yang boleh dikuasai dan dimanfaatkan (al-Zuhayli 2004: 2876). Ulama fiqh terdahulu telah mengemukakan dalil-dalil bagi membuktikan hak-hak maknawi adalah hak harta yang bernilai. Antaranya berdasarkan kepada kata-kata Nabi Shu^cib kepada Nabi Musa dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

“Bapa perempuan itu berkata (kepada Musa): “Aku hendak mengahwinkanmu dengan salah seorang dari dua anak perempuanku ini, dengan syarat bahawa engkau bekerja denganku selama lapan tahun; dalam pada itu, jika engkau genapkan menjadi sepuluh tahun, maka yang demikian itu adalah dari kerelaanmu sendiri. Dan (ingatlah) aku tidak bertujuan hendak menyusahkanmu; engkau akan dapati aku dari orang-orang yang baik layanannya”.

(Al-Qasas: 27)

Selain itu, Allah SWT menerangkan perihal mahar dalam ayat yang bermaksud:

Maksudnya: Dan (sebaliknya) dihalalkan bagi kamu perempuan-perempuan yang lain daripada yang tersebut itu, untuk kamu mencari (isteri) dengan harta kamu secara bernikah, bukan secara berzina.

(An-Nisa’: 24)

Ayat pertama di atas menjelaskan, syarak mengharuskan perbuatan menjadikan manfaat sebagai mahar (mas kahwin). Manakala ayat kedua mensyaratkan mahar perlu berupa harta yang bernilai. Justeru, makna berdasarkan ayat ini adalah manfaat juga diiktiraf sebagai harta. Atas asas ini, jumhur ulama berpendapat, setiap manfaat adalah harta (al-Sharbini 1958, Shabir 2007:45). Jumhur mengharuskan jual beli ke atas manfaat kerana jual beli tidaklah disyaratkan daripada *ayn* tertentu. Manakala gambaran bagi idea daripada akal manusia ini tidak dapat dikesan secara *hissi* kerana ia tidak berdiri sendiri, melainkan perlu disandarkan kepada sesuatu yang direka. Maka, apabila ia dipindahkan kepada bentuk fizikal (*maddi*), hal ini memungkinkan gantian daripadanya dan diambil manfaat daripadanya secara kebendaan (*maddi*). Oleh yang demikian, jadilah ia *al-huquq al-ayniyyah* yang mewujudkan *al-huquq al-syakhsiyyah* dan terpelihara dengan sifat kehartaan (Ziyad Thariq Jasim Ali 2016).

Metod Penelitian

Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk deskriptif. Data kualitatif menurut Kamarul Azmi Jasmi (2012) terhasil daripada tiga jenis data iaitu hasil pemerhatian, hasil pembicaraan dan bahan tertulis atau kaedah analisis dokumen. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen yang terdiri daripada sumber klasik, sumber kontemporari, jurnal dan laman sesawang. Pengumpulan data melalui analisis dokumen dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji. Seterusnya kajian ini dianalisis secara deskriptif iaitu perbincangan kajian dilaksanakan secara penghuraian dalam topik-topik yang disusun.

KONSEP SOKONGAN EKONOMI DAN MORAL TERHADAP KARYA CIPTA MENURUT ISLAM

Sokongan bermaksud apa-apa yang diberikan sebagai bantuan. Kajian Asmuni Mth (2003) mendapati, Hak Milik Intelektual (HAMI) memiliki dua ciri harta iaitu nilai dan manfaat. Sesuatu yang mempunyai nilai dan manfaat boleh digunakan dalam urus niaga yang dibenarkan syarak. Dapatan kajian tersebut seiring dengan pendapat Zuhayli (2000) dan Zaharuddin (2009) yang menjelaskan, setiap idea kreatif, hasil inovatif, kesusasteraan, kesenian dan ciptaan mempunyai nilai harta. Pandangan ini yang diguna pakai oleh perundangan serta *urf* manusia masa kini. Imam as-Suyuti al-Shafie menjelaskan bahawa *urf* menjadi asas dalam mengiktiraf sesuatu sebagai harta di mana menurut *urf*, harta adalah setiap yang mempunyai nilai, dijual beli, dan perlu diganti sekiranya rosak. Jika ia berlaku pada sebilangan kecil sahaja, sudah pasti manusia tidak menetapkannya sedemikian (Wahbah al-Zuhayli 2006). Maka secara *urf* hak-hak maknawi (karya cipta) mempunyai nilai harta yang diiktiraf syarak.

Sesebuah karya yang diiktiraf sebagai hak cipta ini, terkandung padanya hak. Hak yang terkandung dalam hak cipta adalah hak ekonomi (*al-huquq al-Iqtisadiyyah*) dan hak moral (*al-huquq al-ma'naviyyah*). Justeru, kedua-dua hak ini menjadi sistem sokongan kepada pengkarya dalam menyokong usaha penyebaran ilmu dan penghasilan karya-karya yang baik untuk manfaat bersama. Hak ekonomi ialah sekumpulan bidang kuasa yang disabitkan oleh syarak kepada pemilik hak cipta yang berkaitan dengan kebendaan (seperti kewangan), dan yang memenuhi kepentingan pemilik serta dikuatkuasakan. Tempoh pemilikan hak ekonomi adalah terhadap iaitu ia boleh ditamatkan (Arieff Salleh Rosman 2002) dengan cara pindah milik, jual beli, hadiah, wasiat, pewarisan, sewaan dan sebagainya (Nisah haron 2008) melalui kuat kuasa undang-undang. Hak cipta seperti kerja penulisan, muzik, lakaran, reka cipta, reka bentuk, program komputer, pangkalan data dan sebagainya merupakan harta yang boleh memberi ganjaran kepada pemunya kerana diberi hak pemilikan untuk mengeksploitasi ciptaan mereka. Oleh yang demikian, setiap idea kreatif, hasil inovatif, kesusasteraan, kesenian dan ciptaan memiliki nilai harta dalam kalangan manusia secara *urf* dan *al-maslahah almursalah* (al-Zuhayli 2000; Zaharuddin 2009). Justeru karya cipta yang diiktiraf hak cipta (*intangible*) ini memiliki hak eksklusif dan nilai komersial (Arieff Salleh Rosman 2002) dalam kalangan manusia. Ia memberi hak kepada pemunya mendapatkan pulangan kewangan daripada penulisan dan karyanya sebagai sumber pendapatan yang harus dimanfaatkan menurut syarak.

Manakala hak moral diistilahkan sebagai bidang kuasa moral yang mewajibkan karangan seseorang ilmunan dinisbahkan ke atasnya dan menghormati apa yang ditulis dan menjaga haknya ketika melakukan sebarang perubahan. Ia adalah berkaitan personaliti pencipta. Penjagaan hak moral untuk pencipta adalah kekal menurut fiqh Islam namun dalam undang-undang ciptaan ia

boleh ditamatkan. Hak moral telah lama wujud dalam ilmu *isnad* dan ia diperundangkan berdasarkan ijmak. Ulama silam telah menyentuh isu ini menerusi karangan Imam al-Suyuti (849-911H) dalam *al-fariq bayn al-musannif wa al-sariq* yang membincangkan salah satu hak yang dikawal dalam undang-undang hak cipta adalah hak moral seorang penulis. Selain itu, melalui perbincangan Imam al-Qarafi (626-684H) dalam karangannya *al-furuq*, beliau menimbulkan persoalan ijtihad adakah ijtihad ulama termasuk dalam maksud harta yang boleh diwarisi selepas kematiannya (Arief Sallah Rosman 2008, 2002: 108, 113-114). Justeru kedua-dua hak ini menjadi pemilikan kepada pengkarya dan memungkinkan pemilik menggunakannya (*tasarruf bi al-mal*) untuk apa jua transaksi yang diiktiraf syarak.

Adapun hak *ma'nawiy* ini adalah hak *syakhsiyyah* yang terbit daripada pengkarya itu sendiri (al-Shemeri & al-Fatlawi t.th: 392). Sekalipun berlaku penamatan hak ekonomi kepada pengkarya seperti jualan sesebuah hasil karya, namun hak maknawi ke atas seseorang pengkarya itu sesekali tidak terputus dan kekal selamanya. Ini kerana hak maknawi dengan pengarang atau pengkarya cipta mempunyai perkaitan secara fitrah semulajadi, maka pertukaran pemilikan karya tidak mempengaruhi pertukaran hak maknawi. Namun perbincangan ini tidak mengkhususkan perbincangan dalam pengkasilan karya secara teknologi kerana memerlukan perbincangan yang lebih mendalam kerana teknologi sendiri merupakan ciptaan pihak tertentu seterusnya digunakan secara meluas oleh kebanyakan masyarakat.

Karya-karya seperti karya sastera, muzik, seni, filem, rakaman bunyi, siaran dan karya terbitan merupakan harta yang boleh memberi ganjaran kepada pemunya kerana diberi hak pemilikan untuk mengeksploitasi ciptaan mereka. Undang-undang yang berpunca daripada aktiviti intelektual telah memberi hak kepada pengkarya atau pereka cipta untuk melindungi ciptaannya dalam bidang industri, sains, kesusasteraan dan seni. Pengkarya atau pereka cipta diberi kuasa untuk melupuskan atau menghalang orang lain daripada menggunakan ciptaan tersebut tanpa kebenaran (Javaid & Naveed 2013: 156). Maka, hak-hak ini diiktiraf dan dilindungi oleh undang-undang.

Perlindungan Syarak Terhadap Karya Cipta

Perlindungan atau dalam bahasa Arab di sebut *himayah* bermaksud menjauhi bahaya daripada sesuatu. Manakala menurut kamud dewan bahasa perbuatan atau hal berlindung. Hak Cipta adalah hak eksklusif yang diberikan oleh undang-undang kepada pencipta karya untuk mengawal penggunaan karya mereka. Hak Cipta merujuk kepada hak penguasaan yang dilindungi undang-undang ke atas seluruh atau sebahagian daripada hasil ciptaan. Hak Cipta adalah sesuatu yang direka cipta sama ada ia dalam bentuk *'ayn* atau maknawi. Antaranya seperti karya sastera, karya muzik, karya seni, filem, rakam bunyi, siaran dan karya terbitan. Perlindungan hak cipta di Malaysia adalah berasaskan kepada Akta Hak cipta 1987. Meskipun Malaysia tidak mempunyai sistem pendaftaran hak cipta, namun sesuatu karya adalah dilindungi secara automatik dan berhak mendapat perlindungan. Di Malaysia, karya-karya ini adalah dilindungi tanpa mengira kualiti dan tujuan karya-karya tersebut dihasilkan. Walau bagaimanapun, perlindungan hak cipta hanya diberi kepada ekspresi idea dan tidak kepada idea, prosedur, kaedah pengendalian atau konsep matematik (*myipo.gov.my* 2020).

Karya pemikiran seperti karangan dan terjemahan, membolehkan pemilik mengambil hasil daripada usahanya dan menghalang orang lain daripada menerbit atau memanfaatkannya melainkan dengan keizinan. Ini kerana pemilikan harta dan kelayakan ke atas sesuatu *maddiyah* atau *maknawiyah* membolehkan pemilik menggunakan harta untuk apa-apa tujuan yang

diharuskan syarak. Kelayakan di sini menghalang daripada berlaku pelanggaran hak bagi sesuatu *maddiyah* menurut syarak. Oleh yang demikian, layak baginya perlindungan bagi mencegah aktiviti pencabulan hak oleh orang lain (al-Muammari 2013).

Bagi melindungi hak ekonomi pengkarya, di Malaysia ditubuhkan agensi yang mengurus selia harta tersebut. Antara organisasi bukan kerajaan yang aktif menjaga royalti para pengkarya ini iaitu Badan Perlindungan Hak cipta Karyawan Malaysia (MACP) yang bertujuan untuk mengutip royalti lagu-lagu yang disiarkan di tempat-tempat terbuka di mana hasil kutipan itu akan diberi kepada para komposer dan penulis lirik lagu tersebut (Noor Ashreen Ismail 2015). *Recording Performers Malaysia* (RPM) juga ditubuhkan bagi mewakili artis rakaman bunyi dan pemuzik, sementara *Public Performance Malaysia* (PPM) pula adalah agensi yang berperanan menyediakan perkhidmatan kolektif untuk manfaat pengguna muzik dan syarikat rakaman di negara ini. MACP mendapat perisytiharan tersebut pada September 2012 manakala PPM dan RPM masing-masing pada 6 Mac 2013 oleh MyIPO (Niezam Abdullah 2013: 1).

Perlindungan karya dan hasil inovasi adalah bagi memastikan pengkarya dan pencipta mendapat perlindungan sewajarnya daripada sebarang monopoli dan eksploitasi tanpa kebenaran terhadap hasil karya dan ciptaan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Selain daripada perlindungan, undang-undang harta intelek diwujudkan bagi memberi pengiktirafan dan penghargaan terhadap pengkarya dan pencipta bagi setiap karya dan ciptaan yang dihasilkan (Mohd Khirin Omar 2012: 24). Ini kerana, dalam penghasilan sesebuah karya atau ciptaan, pengkarya atau pencipta akan menggunakan seluruh usaha dan tenaga untuk menghasilkan karya atau ciptaan yang bermutu. Proses penghasilan ciptaan tersebut juga mengambil masa yang lama dan pelaburan yang besar. Kesemua ini adalah bagi memudahkan orang ramai mendapat manfaat dan kemudahan daripada hasil ciptaan. Di samping itu, dengan wujudnya jaminan perlindungan hak ke atas ciptaan, ia dapat menggalakkan lagi penghasilan ciptaan-ciptaan baru dan seterusnya menambah peningkatan ekonomi di Malaysia.

Kewujudan undang-undang hak cipta dan harta intelek selaras dengan galakan penghasilan ciptaan, penerbitan dan penyebaran maklumat. Hasil-hasil ciptaan ini juga mempunyai nilai ekonomi yang tinggi dalam industri. Justeru, pemegang salah satu hasil inovasi mempunyai hak-hak eksklusif tertentu terhadap ciptaan mereka. Hal ini bagi menjaga hak ekonomi pemunya daripada dieksploitasi oleh pihak lain dalam suatu penetapan tempoh oleh undang-undang. Sehubungan itu, hak eksklusif tersebut boleh berakhir setelah tamatnya tempoh perlindungan atau sekiranya pemilik harta mengizinkan orang atau pihak lain menerbitkan ciptaannya itu sama ada melalui penjualan, penyewaan atau pemberian lesen. Kebiasaannya, pemilik akan dibayar sejumlah wang atau royalti daripada pemindahan hak ke atas ciptaan tersebut (Khadijah & Ahmad Shamsul 2006: 3).

Al-Attasi berpandangan, hak-hak pada hak cipta dipelihara dan dijaga melalui dua bentuk sokongan iaitu sokongan keduniaan (*al-mu'ayyidat al-dunyawiyyah*) dan sokongan keakhiratan (*al-mu'ayyidat al-ukhrawiyyah*) (Arieff Salleh Rosman 2002: 128-132). Sokongan keakhiratan adalah hukuman di akhirat yang disediakan bagi pencabul hak. Adapun sokongan keduniaan terlaksana dengan dua bentuk iaitu pencegahan (*al-wiqat^ciyyah*) dan pengubatan (*al-^cilajiyyah*). Pencegahan terlaksana untuk menjaga hak dari pelanggaran dengan cara sekatan keagamaan iaitu seseorang yang beriman disekat dari melakukan pencabulan ke atas harta orang lain. Pengubatan pula berkait rapat dengan institusi kehakiman iaitu pemilik mempunyai hak untuk membuat pengaduan kepada mahkamah ke atas pencabulan terhadap haknya.

Perlindungan dan pemeliharaan hak dengan cara ini boleh berlaku melalui dua proses sama ada secara sivil atau tindakan jenayah. Tindakan mahkamah secara sivil berlaku dengan dua cara. Pertama adalah dengan cara menolak kemudaratan yang berlaku dan menghapuskan sebab-sebabnya seboleh mungkin (injuksi). Semua perkara yang boleh mendatangkan mudarat adalah dilarang dalam Islam dan dituntut agar kemudaratan dihapuskan daripada orang yang terlibat. Maka, mana-mana pemilik hak cipta berhak meminta injuksi daripada mahkamah agar pencabulan hak tersebut dihapuskan. Cara kedua adalah dengan mewajibkan pencabul hak bertanggungjawab terhadap pencabulan. Oleh itu, harta tersebut perlu dipulangkan semula jika ia masih ada atau sekiranya tiada, dia perlu membayar ganti rugi senilai dengannya kepada pemilik hak.

Jaminan Terhadap Karya Cipta Menurut Syarak

Jaminan atau *dhaman* boleh diertikan sebagai akuan menjamin tentang keselamatan atau hutang (kamus dewan bahasa edisi kedua). Menurut Zaharuddin (2009: 175-177), penciptaan hasil pemikiran adalah satu usaha yang bertepatan dengan syariat iaitu *maslahah* dan manfaat yang dapat diambil oleh masyarakat daripada karya-karya tersebut. Dalam adat semasa, seorang karyawan berhak ke atas hasil karya dan ciptaannya. Maka, ganti rugi dan royalti kepadanya adalah sah. Hasil ciptaan tersebut telah diiktiraf sebagai urusan niaga pertukaran dan pekerjaan kerana ia memberi manfaat kepada masyarakat sama ada manfaat membaca, mengguna atau selainnya. Sebaliknya, jika sesuatu yang tidak bernilai dan bermanfaat, manusia tidak berurusan niaga dengannya.

Manakala, pencabul hak akan dikenakan tindakan jenayah dengan hukuman-hukuman jenayah ke atasnya kerana pelanggaran hak pada hak cipta adalah termasuk dalam kesalahan takzir. Terdapat persamaan antara undang-undang Malaysia dan fiqh Islam iaitu hak yang terkandung dalam hak cipta adalah hak ekonomi dan hak moral. Namun, syarat-syarat kelayakan harus dipenuhi oleh pencipta sebelum dikurniakan hak-hak tersebut. Arief Salleh Rosman (2002) menyatakan empat syarat pengurniaan sesuatu hak di dalam kedua undang-undang iaitu: (a) ciptaan merupakan sesuatu yang diperundangan oleh syarak; (b) ciptaan adalah daripada usaha bersungguh pencipta dan bersifat asli; (c) ciptaan perlu dizahirkan dalam bentuk bahan dan; (d) pencipta mesti menguatkuasakan haknya dalam ruang lingkup ketetapan syarak. Justeru, apabila sesuatu karya cipta diiktiraf harta di sisi syarak, maka secara langsung ia dilindungi daripada sebarang pencerobohan. Sekiranya berlaku pencerobohan, pemilik harta layak mendapat pengadilan. Ia juga sebagai rawatan dan jaminan kepada mana-mana pihak yang dizalimi untuk mendapat ganti rugi atau apa-apa bentuk pulangan.

Walau bagaimanapun, sekiranya diketahui bahawa karya tersebut adalah dibenarkan kepada mana-mana orang mengambil manfaat daripadanya sama ada untuk penggunaan atau pemanfaatan hak ekonomi atau kedua-duanya, maka tidak lagi menjadi kesalahan bagi mana-mana orang menggunakannya. Hal ini berdasarkan kalimah '*an taradin minkum* dalam surah an-Nisaa' ayat 29 yang membenarkan transaksi syar'ie melalui kerelaan pihak yang berkontrak seterusnya menawarkan keseimbangan antara nilai individu dan kemasyarakatan. Namun sekiranya pengkarya melepaskan hak ekonomi, adalah dianjurkan dapat meneladani ulama' yang menzahirkan kebenaran penggunaan dan pemanfaatan karya di awal penulisan dalam kitab-kitab karangan mereka. Jalan ini lebih diyakini dan mengelak daripada sebarang penggunaan syubhah. Sekalipun demikian, sehingga ke hari ini ilmu dan ijtihad ulama'-ulama' terdahulu kekal dinisbahkan kepada mereka sebagai pengarang dan pengkarya. Konsep hukum terhadap karya cipta ini dapat dilihat sebagaimana rajah di bawah.

Kesimpulan

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, harta tak ketara (*intangible*) seperti hak dan manfaat berkaitan dengan hak cipta ini, tiada nas *qat'i* (*clear statement*) yang menjelaskan perkara tersebut secara khusus, dengan demikian masalah tersebut adalah masalah *ijtihadiyyah*. Ijtihad boleh berlaku sekiranya hukum atau peraturan tidak ditetapkan dalam nas al-Quran atau hadis. Manakala, tinjauan hukum terhadap hak cipta dinilai menurut *'urf* dan *masalih al-mursalah* yang berkaitan dengan hak khusus dan hak umum. Oleh sebab hak cipta mempunyai nilai, maka syarak telah memberi perlindungan terhadapnya. Syarak menetapkan, sesuatu pernyataan perlu dinisbahkan kepada pemiliknya seperti idea dan buah fikiran serta melarang seseorang mendakwa memiliki sesuatu yang bukan miliknya. Ini bagi membolehkan pemunya mendapat manfaat berupa ganjaran daripada usahanya dan ia tidak diambil oleh pihak lain. Oleh yang demikian, setiap idea kreatif, hasil inovatif, kesusasteraan, kesenian dan ciptaan mempunyai nilai harta dalam kalangan manusia secara *'urf* dan *al-maslahah al-mursalah*. Manakala, *'urf* dan *maslahah* ini adalah termasuk dalam sumber-sumber syariat yang daripadanya dapat dikeluarkan hukum. Maka, jelaslah bahawa, apa-apa yang berkaitan dengan hak cipta mempunyai sokongan yang memberi hak ekonomi (*material*) dan hak moral (*immaterial*). Manakala jaminan dan perlindungan daripada perundangan syarak dan undang-undang semasa memelihara hak tersebut daripada sebarang pencerobohan dan boleh memberi kesan hukuman dunia dan akhirat. Walau bagaimanapun anjuran infaq dalam Islam jika dapat dipraktikkan tidak pernah merugikan pemilik karya mahupun masyarakat yang mendapat manfaat untuk keperluan yang wajar.

Rujukan

JURNAL

- Asmuni Mth. (2003). *Hak Milik Intelektual dalam Perspektif Fiqh Islami*.
<https://jurnalalmawarid.wordpress.com/tag/hak-kekayaan-intelektual/>.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. Johor Bahru. Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampung Temenggung Ibrahim*.
- al-Muammari, Abd al-Wahab Abdullah Ahmad. (2013). *Huquq al-Muallifin min A'dha' Hay'at al-Tadris fi al-Qanun wa al-Muathiq al-Dauliyah. Al-Majallah al-'Arabiyyah li Dhaman Judah al-Ta'lim al-Jami'i*.
- Javaid Iqbal Khan, Naveed Ahmad Lone & Fayaz A. Sheikh. (2013). *Intellectual Property Rights in Islam: A Perspective*. International Journal of Research in Social Sciences.
- al-Shemeri, Haider Hossein & al-Fatlawi, Ali Mohammad. (t.th). *Dur al-Huquq al-Macnawiyah lil Muallif fi Icaqah Tathawwur Teknologiy al-Maclumat fi cAsr al-Raqamiyyah (al-Digital)*. Research Journals ahli Bayt 18.

BUKU

- Abd al-Mucti, Amal Yasin. (2009). *Muhadarat fi Qadaya Fiqhiyyah Muasarah. al-Qaherah: Universiti al-Azhar*.
- Arief Salleh Rosman. (2002). *Harta Intelektual Menurut Fiqh Islam: Pendekatan Perbandingan dengan Undang-undang Malaysia*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Azam Hamzah. (2006). *Sumbangan Tamadun Islam kepada Peradaban Dunia*. Kuala Lumpur: Pusat Penerbitan Universiti

- Al-Azhari, Basri Ibrahim al-Husni. (2011). *Al-Qadaya al-Fiqhiyyah al-Mucasarah al-Mutacalliqah bi al-cIbadat wa al-Mucamalat wa al-Usrat wa al-Tib wa al- calaqat al-Ijtimaciyyah*. Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Al-Durayni, Fathi. (1979). *Hak al-Ibtikar fi al-Fiqh al-Islami al-Muqaran*. Bayrut: Muassasah al-Risalah.
- Ghazali Darusalam. (2001). *Sumbangan Sarjana dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Khadijah Mohamed dan Ahmad Shamsul Abdul Aziz. (2006). *Undang-undang Harta Intelek di Malaysia*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Mustafa Daud. (1991). *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Nisah haron. (2008). *Karya Kita Hak Kita*. Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd.
- Al-Khatib, Muhammad al-Sharbini. (1957). Mughni Muhtaj. Al-Qaherah: Matba'ah Mustafa.
- Shabir, Muhammad Uthman. (2007). *Al-Mucamalat al-Maliyyah al-Muasirah fi al- Fiqh al-Islami*. Amman: Dar al-Nafais
- Zaharuddin Abdul Rahman. (2009). *Maqasid al-Sharicah fi Ahkam al-Buyuc*. Selangor: International Islamic University Malaysia (IIUM Press).
- al-Zarqa', Mustafa Ahmad. (1999). *Al-Madkhal ila Nazariyyah al-Iltizam al-cAmmah fi al-Fiqh al-Islami*. Dimashq: Dar al-Qalam.
- al-Zuhayli, Wahbah. (2002). *Al-Muamalat al-Maliyah al-Muasarah Buhuth wa Fatawa wa Hulul*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- al-Zuhayli, Wahbah. (2004). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Jil. 4. Dimashq: Dar al- Fikr.
- al-Zuhayli, Wahbah. (2006). *Al-Muamalat al-Maliyah al-Muasarah Buhuth wa Fatawa wa Hulul*. Beirut Lubnan: Dar al-Fikr.
- LAMAN SESAWANG
- Mohd Khirin Omar (Keon). (2012). *Karya Lagu Anda dilindungi?* hlm. 24. In MyIP Bulletin.<http://www.myipo.gov.my/documents/10192/141264/ipbulletin032012.pdf>.
- Niezam Abdullah. (2013). *Tiga badan dapat pengiktirafan kutip royalti artis*. mStar, 20 Mac.<http://www.mstar.com.my/hiburan/berita-hiburan/2013/03/20/tiga-badan-dapat-pengiktirafan-kutip-royalti-artis/> [20 Mac 2015].
- al-Qurah Daghi, Ali Mahyuddin. (2020). *Zakat al-Huquq al-Macnawiyyah*. [Online] www.qaradaghi.com.V (akses pada 21 November, 2020).